

# Pendahuluan

---

**Latar Belakang Penyediaan Garis Panduan**  
**Tujuan Garis Panduan**  
**Skop dan Isi Kandungan**





# PENDAHULUAN

## LATAR BELAKANG

Garis Panduan Landskap Negara edisi 2 (GPLN 2), tahun 2008 adalah merupakan semakan semula serta penambahbaikan ke atas Garis Panduan Landskap Negara yang telah diterbitkan pada tahun 1995. Penerbitan Garis Panduan Landskap Negara, 1995 oleh Unit Landskap, pada ketika itu di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) adalah dibuat berdasarkan keputusan kerajaan supaya satu buku garis panduan yang lengkap berkenaan cara mewujudkan serta memelihara landskap yang cantik dan sempurna dapat diterbitkan.

Dengan tertubuhnya Jabatan Landskap Negara (JLN) pada 1 Januari 1996 di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tanggungjawab untuk menyelaras semua aktiviti pembangunan landskap di seluruh negara telah diserahkan kepada Jabatan tersebut. Usaha ini adalah untuk mencapai hasrat kerajaan bagi menjadikan Malaysia, Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020, disamping menjamin kualiti hidup yang harmoni dan sejahtera kepada seluruh rakyat Malaysia.

Setelah lebih sedekad ditubuhkan beserta kerjasama padu dari pelbagai agensi awam dan swasta, pembangunan landskap di Malaysia berada di tahap yang agak membanggakan. Selain daripada usaha pembangunan landskap yang dijalankan oleh Jabatan Landskap Negara, sebagai agensi di peringkat persekutuan, usaha pembangunan landskap turut mendapat sokongan padu daripada pihak berkuasa negeri. Ini terbukti dengan penubuhan Unit/Bahagian/Jabatan Landskap di Pihak Berkuasa Tempatan untuk melaksana dan mengawal pembangunan landskap. Malahan Negeri Johor telah menubuhkan Jabatan Landskap Negeri Johor bagi melaksanakan program landskap negara. Di dalam masa yang sama, keperluan landskap dan penyediaan kawasan lapang kini adalah merupakan sebahagian dari syarat-syarat penting yang perlu dipatuhi di dalam sesuatu permohonan kelulusan pembangunan sesuatu kawasan.

Walaupun landskap kini menjadi satu keperluan dan gaya hidup masyarakat, masih terdapat kelemahan didalam pelaksanaan serta kawalan landskap. GPLN 2 adalah merupakan salah satu usaha Jabatan Landskap Negara di dalam membantu semua pihak terlibat terutama Pihak Berkuasa Tempatan dan pemaju dalam perancangan dan pembangunan landskap demi menjamin pembangunan yang berkualiti dan mapan.

### TUJUAN

Garis Panduan Landskap Negara (GPLN 2) merupakan penambahbaikan kepada maklumat landskap yang terkandung dalam Garis Panduan Landskap Negara terbitan 1995. Pendekatan-pendekatan yang disyorkan dalam GPLN 2 adalah bagi menangani isu-isu peningkatan suhu kawasan bandar, kadar larian air permukaan yang tinggi dan isu penebangan pokok dengan memasukkan topik pemeliharaan dan pemulihan dengan memberi penekanan yang lebih kepada penanaman pokok teduhan dalam pembangunan landskap.

Secara umum, GPLN 2 merupakan usaha Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan untuk memastikan panduan asas dalam perancangan dan pengawalan kualiti pembangunan landskap dijadikan asas dalam setiap pembangunan landskap di Malaysia. Ini penting untuk memastikan penghasilan pembangunan landskap yang berkualiti dan mapan ke arah menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah.

Secara khusus, penerbitan GPLN 2 adalah bertujuan sebagai panduan asas kepada agensi-agens pelaksana terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan untuk merancang, mengawal rekabentuk landskap, memantau pelaksanaan kawalan pembangunan dan penyelenggaraan kerja-kerja pembangunan landskap yang dijalankan. GPLN 2 ini juga boleh digunapakai sebagai bahan rujukan dan panduan kepada pemaju dan semua individu yang terlibat dalam pembangunan landskap dalam memastikan kualiti pembangunan landskap yang dihasilkan berkualiti terbaik.

Perlu diingatkan bahawa GPLN 2 ini merupakan panduan asas. Ia tidak memberikan penyelesaian terhadap semua masalah landskap secara khusus. Ia juga tidak menghadkan pengolahan atau daya kreativiti di kalangan arkitek landskap dan profesional lain yang berkaitan.

## SKOP DAN ISI KANDUNGAN

Penyediaan GPLN 2 adalah berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan serta keputusan-keputusan kerajaan sebagaimana berikut :

- i. Landscaping The Nation - 24 Mei 1995
- ii. Penamaan Pokok Berbunga dan Daun Bertukar Warna - Mei 2002
- iii. Penamaan Pokok Berbunga Lebat - 7 Mei 2003
- iv. Kesesuaian Tanah Subur Untuk Kerja Landskap - 21 Mei 2003
- v. Penanaman Pokok Bunga Raya - 3 Mac 2005
- vi. Penanaman Pokok Teduhan - 30 Mei 2007

Pendekatan terhadap syor-syor pemilihan jenis tanaman adalah antara lainnya bagi menangani isu-isu peningkatan suhu di kawasan perbandaran dan kadar larian air permukaan yang tinggi. Isi kandungan GPLN 2 merangkumi tujuh bahagian utama iaitu:

### **Bahagian 1.0 – Pengenalan Landskap**

- merangkumi definisi landskap, komponen utama dalam reka bentuk landskap dan kepentingan landskap dalam pembangunan.

### **Bahagian 2.0 – Landskap Lembut**

- merangkumi fungsi penanaman, prinsip penanaman, ciri-ciri fizikal tanaman dan jenis tanaman.

### **Bahagian 3.0 – Garis Panduan Perancangan Landskap**

- merangkumi garis panduan perancangan landskap di kawasan-kawasan berikut:
  - i. Kawasan taman rekreasi
  - iii. Kawasan pinggir jalan dan lebuh raya
  - iv. Kawasan bangunan awam
  - v. Kawasan pinggir sungai / tasik / pantai
  - vi. Kawasan perumahan
  - vii. Kawasan kemudahan asas
  - viii. Kawasan perindustrian
  - ix. Kawasan tempat letak kereta
  - x. Kawasan siar kaki / lorong basikal
  - xi. Kawasan laluan keretapi
  - xii. Kawasan desa
  - xiii. Kawasan perkuburan

### **Bahagian 4.0 – Garis Panduan Landskap Lembut Untuk Kerja Landskap**

- merangkumi kaedah pemilihan bahan tanaman, pengendalian bahan tanaman ke tapak projek, penyediaan tapak semaian di tapak projek, penyediaan tanah campuran, penyediaan lubang penanaman, pemancangan, sungkupan, kaedah pengemasan dan rawatan lubang pokok utama. penambahan bahan organik, sungkupan, kawalan hakisan, pemangkasan dan penjarangan, tenaga kerja dan peralatan, dan program penyelenggaraan.

### **Bahagian 5.0 – Kaedah Pengkalan dan Pemuliharaan Pokok Sedia Ada**

- membincangkan berkaitan kaedah pengkalan dan pemuliharaan pokok sedia ada di tapak projek.

### **Bahagian 6.0 – Penyelenggaraan Landskap Lembut**

- merangkumi kaedah penyiraman, pembajaan dan pengemburan tanah, kebersihan kawasan tanaman dan merumput, kawalan penyakit, serangga dan haiwan, sulaman/penggantian pokok, penggantian pasu, penambahan bahan organik, sungkupan, kawalan hakisan, pemangkasan dan penjarangan, tenaga kerja dan peralatan, dan program penyelenggaraan.

### **Bahagian 7.0 – Senarai Tanaman**

- memberikan contoh spesis tanaman yang bersesuaian sebagai:
  - Tanaman penarik hidupan liar kecil
  - Tanaman nadir
  - Tanaman berduri, beracun dan berdahan rapuh
  - Tanaman berbunga dan daun berwarna
  - Tanaman berdaun (foliage plant)
  - Tumbuhan air
  - Paku-pakis
  - Buluh
  - Kaktus
  - Tanaman herba
  - Pokok hutan
  - Tanaman terlarang